

NO. SOALAN: 218

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

RUJUKAN : 7663

SOALAN:

PuanKasthuriraani a/p Patto [BatuKawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimana penyabitan jenayah seksual dan keganasan rumah tangga dipantau oleh kementerian dan adakah wujud satu system pengrekodan kes-kes keganasan rumah tangga yang terdahulu dan adakah maklumat ini dapat diakses oleh masyarakat umum.

JAWAPAN:

Pihak Polis hanya menjalankan siasatan berkaitan jenayah seksual dan keganasan rumah tangga dan menyerahkan kepada pihak Pendakwaraya untuk membuat pertuduhan di Mahkamah setelah semua keterangan dan bukti-bukti diperolehi. Tugas-tugas pihak polis terhenti diperingkat ini. Pihak Kementerian tidak berhasrat untuk membuat pemantauan bagi semua kes yang telah dituduh di Mahkamah kerana ianya melangkaui kuasa dan bidang kuasa Mahkamah, terpulang kepada pihak Mahkamah sama ada ada untuk mensabitkan atau membebaskan tertuduh dalam perbicaraan.

Pihak awam boleh mendapatkan statistik mengenai kes seksual dan keganasan rumah tangga dengan menulis surat kepada Bahagian Komunikasi Korporat, PDRM dengan menyatakan apakah tujuan statistik berkenaan diperlukan dan pihak PDRM tidak keberatan untuk membekalkannya dengan syarat bukan bertujuan untuk mengaibkan mana-mana pihak.

SOALAN (219)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR BIN JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR BIN JOHARI [BUKIT BENDERA] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan pecahan statistik pengurusan sisa merangkumi tan metrik setahun serta peratusan sisa yang dihantar ke tapak pelulusan, pembakaran atau pengkitaran semula bagi setiap negeri di Malaysia untuk setiap tahun dari 2008 - 2014

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjalankan dua (2) kajian peringkat kebangsaan mengenai pengurusan sisa pepejal pada tahun 2005 dan 2012. Hasil kedua-dua kajian tersebut memberikan nilai purata kadar penjanaan sisa pepejal bagi setiap penduduk dalam sehari pada tahun kajian dijalankan iaitu masing-masing 0.90 kg/kapita/hari dan 1.17kg/kapita/hari. Berdasarkan kedua-dua kajian ini, dengan andaian peningkatan secara linear, didapati kadar peningkatan penjanaan sisa pepejal adalah sebanyak 2.7% setahun.

Kajian yang dijalankan oleh Kementerian ini pada tahun 2006 mendapati kadar kitar semula pada tahun 2005 adalah sebanyak 5%. Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Kementerian ini pada tahun 2012 mendapati kadar kitar semula telah meningkat kepada 10.5%. Berdasarkan kedua-dua kajian ini, dengan andaian peningkatan secara linear iaitu sebanyak

11.2% setahun, kadar kitar semula pada tahun 2014 yang diunjurkan adalah sebanyak 12.1%.

Dengan mengambil kira unjuran kadar kitar semula pada tahun 2014 adalah sebanyak 12.1%, maka baki sebanyak 88% daripada jumlah sisa pepejal yang terhasil dilupuskan di 165 buah tapak pelupusan di seluruh Malaysia. Walaupun terdapat beberapa kaedah rawatan seperti mini insinerator dan pengkomposan yang dijalankan secara kecil-kecilan, jumlah sisa pepejal yang dirawat melalui kaedah tersebut adalah sangat kecil iaitu tidak mencapai 1% daripada jumlah sisa yang dihasilkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015